

# ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

  [kpfraami](#) |  [www.kpf.my](#)

Edisi 3/2023



Setiausaha KPF, Encik Razuwan bin Che Rose semasa menerima Anugerah Kategori Sektor Perladangan 2023.

## KPF RAIH ANUGERAH KATEGORI SEKTOR PERLADANGAN 2023

Majlis Penutup Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 (BKK'23) telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di Le Meridien Kota Kinabalu, Sabah pada 30 Julai 2023.

Pada majlis ini, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah dipilih sebagai penerima Anugerah Kategori Sektor Perladangan 2023.



## SESI PERJUMPAAN PENERUS FELDA BERSAMA KPF



Satu sesi perjumpaan bersama YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Pengerusi FELDA bersama Lembaga dan Pengurusan telah berlangsung pada 22 Ogos 2023 di Ibu Pejabat KPF, Balai Felde.

Perjumpaan ini diharap dapat memberikan gambaran kepada YBhg. Dato' Sri berkenaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KPF serta dapat mengeratkan ukhwah dan kebersamaan dalam Kumpulan FELDA menjadi lebih teguh dibawah kepimpinan YBhg. Dato' Sri.

YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek bergambar bersama Lembaga dan pengurusan KPF selepas selesai perjumpaan.



## CERAMAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH



Pada 21 Julai 2023, Jabatan Operasi dan Keanggotaan telah menganjurkan ceramah bersempena dengan sambutan Maal Hijrah di Dataran Ilmu Tingkat 8, Balai Felde.

Seramai lebih kurang 70 orang kakitangan koperasi telah meluangkan masa untuk bersama-sama mengimarahkan ceramah khas tersebut.

Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang dalam mendekati dan menghayati erti sebuah penghijrahan, pengisian serta definisi sambutan Maal Hijrah itu sendiri.

Petugas KPF yang hadir ketika mendengar ceramah di pejabat KPF, Balai FELDA, Kuala Lumpur.



## SESI PERBINCANGAN BERSAMA RANCANGAN GUGUSAN BESOUT



Wakil KPF, Encik Mohd Rezza Yahya ketika memberikan penerangan berkenaan *pilot project* bersama pihak rancangan gugusan Besout.

KPF yang diwakili oleh Encik Mohd Shah Rezza Yahya dari Jabatan Perladangan dan Encik Faizal Ahmadun dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi telah berkunjung dan mengadakan perbincangan bersama pihak rancangan gugusan Besout berkenaan *pilot project* untuk pelaksanaan "cashless" di rancangan Felda. Agenda pemotongan/kutipan di dalam rancangan turut dibincangkan. Sistem BTSONline akan di tambah baik bagi menangani isu kutipan di rancangan.

Diharapkan dengan penambahbaikan sistem tersebut dapat meningkatkan lagi kecekapan penyampaian projek dan juga bertukar buah fikiran dengan pihak rancangan dalam mencapai tujuan utama iaitu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua.



Wakil KPF, Puan Siti Yusfa Azwa memberikan penerangan berkenaan keanggotaan bertempat di Felda Krau.

## HARI MESRA PELANGGAN KPF PLATFORM TERBAIK SALUR MAKLUMAT

Pada 21 September yang lalu, KPF telah menganjurkan Hari Mesra Pelanggan kali ke 16 bagi sesi 2023 di Felda Krau 1 (Wilayah Mempaga). Program ini buat julung kalinya disertai oleh Puan Hajah Roziah Mohamed, Pengarah Pusat Perundingan Koperasi dan 3 orang pegawai daripada Institut Koperasi Malaysia serta seorang tenaga pengajar eDagang Puan Jamie Thoo.

Petunjuk prestasi utama bagi Jabatan Operasi & Keanggotaan bagi tahun 2023 adalah memberi nilai tambah dalam pembangunan modal insan kepada anggota KPF. Salah satu elemen yang diketengahkan adalah berbentuk pendidikan tentang koperasi dan keusahawanan.

Selain daripada semakan kaunter keanggotaan, anggota yang hadir turut berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan tentang kaedah memasarkan barangan secara eDagang melalui aplikasi Tiktok.





*Wakil dari MyAngkasa Amanah Bhd (MAAB) bergambar bersama pengurusan KPF di Balai FELDA Kuala Lumpur.*

## PEMBENTANGAN PRODUK WASIAT DAN HIBAH BERSAMA MYANGKASA

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad telah menerima kunjungan daripada pihak MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) untuk menyampaikan taklimat tentang produk wasiat dan hibah berlangsung di ibu pejabat KPF Balai Felda.

Sebelum ini, MAAB turut berkerjasama dengan 20 rakan niaga korporat membabitkan Bank Muamalat, Agro Bank, Bank Persatuan dan syarikat berkaitan kerajaan seperti Felcra, Tekun Nasional, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Pos Malaysia dan koperasi di bawah Angkasa untuk memasarkan produk MAAB di seluruh negara.

Turut serta dalam pembentangan ini adalah Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Encik Azhar Adnan, Ketua Jabatan Perbankan Komersial dan Encik Abdul Rahman Hamzah, Ketua Jabatan Operasi & Keanggotaan.

Semoga perkongsian ini memberikan manfaat kepada wakil yang hadir dan memberikan kesedaran kepada masyarakat Malaysia berkenaan penting pengurusan harta pusaka dalam kehidupan kita.

